



# **MINGGU KEEMPAT BELAS**

---

## **PENYELESAIAN KEPADA PERMASALAHAN DARAH WANITA DAN LAIN-LAIN**

Bahagian Bimbingan  
Lembaga Tabung Haji

**14**

*Oh Muslimah*



*You are a symbol of true Islam  
You represent muslims from near & far  
You are a sign For the world to read  
You symbolize what our nation really needs  
Peace ,Kindness ,Inner Strength, and Faith*

# PERMASALAHAN DARAH WANITA

# ISI KANDUNGAN

- 1 Jenis-jenis Darah
- 2 Permasalahan Haid
- 3 Darah Yang Keluar Melebihi Maksimum Haid
- 4 Darah Semasa Hamil Dan Keguguran
- 5 Darah Selepas Menopous
- 6 Keputihan
- 7 Angin Keluar Daripada Faraj
- 8 *Rutubat al Farj*
- 9 *Daim al Hadas*
- 10 Larangan Semasa Haid



JENIS-JENIS

DARAH



# JENIS-JENIS

DARAH



HAID

ISTIHADAH

FASAD

NIFAS

WILADAH

# HAID

## TAKRIF HAID




**Syarak:** Darah tabi`ie, keluar dari rahim wanita sihat, baligh, dalam waktu-waktu dan tempoh tertentu.

**Istilah Perubatan:**  
Pendarahan dari selaput rahim, terjadi secara berulang setiap bulan bagi wanita subur disebabkan perubahan normal daripada keseimbangan hormon tubuh, lazimnya didahului pengovulun

# ISTIHADHAH

Darah yang keluar kurang daripada satu hari satu malam, melebihi tempoh maksimum haid dan maksimum nifas.



Darah yang keluar antara tempoh dua pusingan haid kurang daripada 15 hari.

# **DARAH FASAD....**



**Darah yang keluar sebelum umur sembilan tahun Qamariyah.**

**Darah yang keluar disebabkan pengambilan ubatan untuk mengatur kitaran haid.**

**Ancaman kehamilan peringkat awal tanpa berlaku keguguran.**

# BERKAITAN **WILADAH**

**Wiladah:**  
Darah yang keluar  
mengiringi  
kelahiran bayi.



**Nifas:**  
Darah yang keluar selepas  
melahirkan  
bayi.



# PERMASALAHAN HAID

# Rukun HAID

Maksud: sesuatu yang **memastikan** haid berlaku.

Apabila darah **keluar** daripada kemaluan.

Darah yang masih berada **dalam faraj** belum berlaku haid.

Kisah seorang wanita menyalakan lampu untuk melihat darah dalam faraj dan penjelasan oleh Saidatina Aisyah



## PERMULAAN HAID

## TEMPOH HAID

Minimum umur:  
9 tahun  
Qamariyah  
(8 tahun, 8 bulan  
21 hari Masihi)

Sebelum 9 tahun  
dikira istihadah  
atau penyakit

Minimum: 1 hari 1 malam (24 jam)  
Maksimum: 15 hari 15 malam  
Kebiasaan: 3,4,5,6, atau 7  
hari dan malam

Dalil

Jawapan Rasulullah S.A.W kepada  
Ummu Salamah:

لتنظر قدر الليالي والأيام التي تحيسنها وقدرهن من الشهر  
فتدع الصلاة ثم لتفتسل ثم ل تستغث وتصلى

## MENENTUKAN KEBIASAAN HAID

SHAFI'IE

HANBALI

**Mazhab Syafi`ie:**  
cukup dengan  
*sekali haid sahaja.*

Dalilnya:  
**hadis Ummu**

Salamah:  
لتنظر قدر الليالي ....

**Mazhab Hanbali:**  
cukup dengan  
*dua kali haid sahaja.*

## FATRAH AL-NAQA'

Darah keluar dan berhenti berselang-seli

1 atau 2,3, hari

*dalam tempoh masa haid*

Mazhab Syafi`ie : Ada dua pendapat

1

**PERTAMA:**

Hari-hari darah keluar dan hari-hari terhenti dalam tempoh haid semuanya dikira haid.

Ini pendapat rajih dalam Mazhab Syafi`ie, sama dengan pendapat Hanafi.

2

**KEDUA:**

Hari-hari darah keluar digabungkan dan dikira haid,  
Hari-hari berhenti digabungkan dan dikira suci.  
Diistilahkan sebagai *talfiq*

## TIGA Syarat :

Kitab *Al-Iqna* kemukakan 3 syarat untuk keadaan dikira haid:-

**Tempoh hari terhenti dan hari keluar darah tidak melebihi 15 hari (maksimum Haid).**

**Tempoh darah terhenti dan keluar tidak kurang dari 1 hari 1 malam.**

**Tempoh suci antara dua haid tidak melebihi 15 hari (minimum suci).**

Sah ibadat yang dilakukan seperti solat, puasa dan tawaf dengan syarat:



**Tempoh suci antara hari-hari haid melebihi tempoh 1 hari 1 malam iaitu 24 jam.**

# KEPUTUSAN

## MUZAKARAH HAJI

Sekiranya jemaah haji wanita yang menghadapi masalah seperti tidak dapat melakukan Tawaf Rukun beliau bolehlah berpegang dengan pendapat yang mengatakan hari suci (*fatrah Al-Naq'a*) dalam tempoh haid selama satu hari satu malam tidak dikira haid, beliau dikira suci, boleh mandi dan melakukan tawaf.

# **PERHATIAN**

- **FATRAH NAQA'** hanya terpakai kepada jemaah haji wanita yang akan meninggalkan Makkah dalam waktu terdekat
- **FATRAH NAQA'** tidak terpakai jika waktu berada di Makkah masih panjang dan sempat menunggu tempoh suci

# **TEMPOH SUCI ANTARA DUA HAID**

**Pendapat Jumhur Ulama':**

**Waktu suci mesti sekurang-kurangnya 15 hari**



**Pendapat Hanbali:**

**Waktu suci mesti sekurang-kurangnya 13 hari**



## WARNA DARAH HAID

- 1. Merah kehitaman
- 2. Merah tua
- 3. Coklat
- 4. Kuning
- 5. Keruh (seperti air tanah)/kuning keputihan tidak jernih

**Majoriti: semua warna tersebut yang keluar dalam tempoh kebiasaan haid dikira haid**

*Dalilnya: Hadis `Alqamah; Para wanita menghantar bekas berisi kapas kepada Aisyah RA dan jawapan Aisyah RA kepada mereka*

## WARNA DARAH HAID

- 1. Keruh (air tanah)/kuning keputihan tidak jernih
- keluar selepas tempoh kebiasaan haid sehingga maksimum haid (15 hari) ulama' khilaf.

### **Jumhur Ashab Syafi'ie: dikira darah haid**

Abu Said, Abu Abbas, Abu Hamid, Imam Al-Haramain: tidak dikira haid cecair kuning dan keruh itu bukan darah, dianggap seperti nanah berdasarkan hadis Ummu Atiyyah:

كُنَّا لَا نَعْدُ الصُّفْرَةَ وَالْكَدْرَةَ

بَعْدَ الظَّهَرِ شَيْئًا

# **KEPUTUSAN MUZAKARAH HAJI**

*Disarankan kepada jamaah haji wanita yang menghadapi masalah seperti tidak dapat melakukan Tawaf Rukun kerana terpaksa pulang ke Malaysia atau bertolak ke Madinah dan tiada pilihan maka haruslah berpegang kepada pendapat yang mengatakan kekuningan dan kekeruhan yang keluar selepas hari kebiasaan haid tidak dikira haid*

# **PERHATIAN**

- **KUNING DAN KEKERUHAN** hanya terpakai kepada jemaah haji wanita yang akan meninggalkan Makkah dalam waktu terdekat
- **KUNING DAN KEKERUHAN** tidak terpakai jika waktu berada di Makkah masih panjang dan sempat menunggu tempoh suci



# PERMASALAHAN

## istihadhah

# Istihadah

Darah keluar kurang dari dari tempoh minimum haid 24 jam @ 1hari 1 malam

Darah yang keluar antara tempoh dua pusingan haid kurang daripada 15 hari

Darah yang keluar melebihi maksimum haid

Darah keluar melebihi tempoh maksimum haid tanpa henti

Darah keluar semasa hamil- selain Mazhab Syafi'ie

Darah keluar selepas putus haid- selain Mazhab Syafi'ie

# Darah Yang Keluar Melebihi Maksimum Haid

Biasa mengalami haid,

**tidak mampu  
bezakan warna  
darah haid**

Biasa mengalami haid,

**mampu bezakan  
warna darah  
haid**

# Darah Yang Keluar Melebihi Maksimum Haid

Biasa mengalami haid, tidak mampu bezakan warna darah haid, ulama' khilaf:


1

Syafi`ie, Maliki dan Hanbali:  
tempoh haid dikira **mengikut kebiasaan** haid, yang lebih dikira sebagai darah istihadahah

2


Sesetengah Mazhab Syafi`ie:  
bezakan darah yang keluar 15 hari dengan yang keluar melebihi 15 hari

**Lebih 15 hari**, tempoh haid dikira **mengikut kebiasaan haid**.




**Kurang 15 hari**, semua hari keluar darah dikira sebagai haid.

*Lebih 15 hari, tempoh haid dikira mengikut kebiasaan haid.*



*Kurang 15 hari, semua hari keluar darah dikira sebagai haid.*



# Darah Yang Keluar Melebihi Maksimum Haid

Biasa mengalami haid, mampu bezakan warna darah haid:

1

Majoriti: tempoh haid dikira **mengikut kebiasaan haid**

2

Syafi`ie kemukakan dua pendapat:

1. Penentuan tempoh haid mengambil kira **perbezaan warna darah\***; jika 10 hari merah kehitaman, yang bakinya berwarna merah, **tempoh 10 hari berwarna merah kehitaman dikira haid**, yang lain dikira istihadah, dalil pendapat ini hadis: دم الحيض أسود يعرف

2. Tempoh haid dikira mengikut **tempoh kebiasaan haid**

# Darah Keluar Melebihi Tempoh Maksimum Haid Tanpa Henti

- Wanita tidak ingat kebiasaan, permulaan dan penghabisan haid (تحيره)

- **Mazhab Syafi`ie ada dua pendapat**

- **Mazhab Hanbali**  
*Mutahaiyyirah* perlu mengira haidnya 6 atau 7 hari, baki yang lain dikira istihadhah

1

- *Mutahaiyyirah* mengira tempoh haid **1 hari 1 malam** sama seperti wanita pertama kali mengalami haid dan tidak dapat membezakan warna darah haid

2

- *Mutahaiyyirah* dikira sentiasa **beristihadhah** (pendapat paling rajih).

# Darah keluar semasa hamil



## • Ada Dua Pendapat

Hanafi, Hanbali, Qaul  
Qadim Mazhab Syafi`ie;

Maliki dan Qaul  
Jadid Mazhab  
Syafi`ie

- darah ini dikira sebagai *darah istihadhah* dan *fasad*

- darah ini dikira sebagai *darah haid*

## **Ancaman kehamilan peringkat awal tanpa berlaku keguguran**

**Darah yang keluar dalam keadaan di atas dikira darah fasad, bukan darah haid**

**Keluar selepas keguguran dikira nifas**



# Darah Keluar Selepas Putus Haid

Pendapat fuqaha' dalam isu ini didasarkan kepada penelitian dan pengalaman

## SHAFIE

**Mazhab Syafi`ie:**

usia menopous mengikut kebiasaan keluarga, lumrahnya 62 tahun, *darah keluar selepas usia menopous dikira haid*

## HANAFI

**Mazhab Hanafi:**

usia menopous 55 tahun,  
*selepas 55 bukan haid*

## HANBALI

**Mazhab Hanbal:**

usia menopous 55 tahun, *darah keluar selepasnya bukan haid*

## MALIKIYAH:

**Mazhab Maliki:**

Selepas 50 hingga 70 tahun perlu ditentukan pakar, pendapat mereka diterima

*Selepas 70 bukan haid*

## MENOPOUS MENURUT PERUBATAN

- Purata umur majoriti wanita Malaysia putus haid 49.5 tahun.
- Secara rawak wanita menopous antara 45 hingga 55 tahun
- Wanita benar-benar dikira menopous bila tiada haid selama 6 bulan atau setahun berturut-turut
- Pendarahan semula selepas menopous bukan haid

# KEPUTUSAN

## MUZAKARAH HAJI

- Darah yang keluar selepas putus haid bagi wanita yang telah tiada haid selama 6 bulan atau lebih dalam keadaan biasa dikira haid, ini berdasarkan kepada pandangan Syafi'iyah.
- Jika wanita tersebut menghadapi masalah, seperti tidak dapat melakukan Tawaf Rukun kerana terpaksa pulang ke Malaysia atau bertolak ke Madinah dan tiada pilihan maka ia dikira sebagai darah istihadah, ini bertaklid kepada pandangan Malikiyah, Hanafiyah dan Hanabilah.



# PERMASALAHAN ANGIN

# Angin Keluar Dari Faraj

- 1) Wuduk terbatal apabila keluar sesuatu daripada qubul atau dubur.
- 2) Biasanya angin keluar daripada dubur, namun demikian ada yang mengalami keluar daripada qubul.

# **Fuqaha' khilaf "Apakah angin keluar daripada Qubul membatalkan wuduk?:"**

1

**Syafi`ie,  
Ahmad dan  
Muhammad:  
Membatal  
kan wuduk**

2

**Hanafi:  
Tidak  
Membatal  
kan wuduk**

3

**Kitab *Tuhfah*  
nukulkan:  
Batal  
ولو ريحًا من ذكره  
أو قبلها**

**Angin yang hanya berada di dalam faraj tidak  
membatalkan wuduk**

# Keadaan Angin yang keluar dari kemaluan

- **Angin yang keluar dari saluran kencing/qubul** (lelaki atau perempuan)- hukumnya membatalkan wuduk, jika angin keluar kerap dianggap sebagai *daimul hadas*
- **Angin yang keluar dari rahim melalui saluran peranakan** - batal wuduk, sekiranya jemaah haji sentiasa menghadapi masalah tersebut maka mereka tergolong dalam golongan *daimul hadas*.
- **Angin tidak keluar daripada permukaan faraj dan hanya berada di dalam sahaja**, maka tidak membatalkan wuduk
- **Bunyi diluar permukaan faraj kerana pergerakan otot faraj**- tidak batal wuduk.



# PERMASALAHAN KEPUTIHAN

# KEPUTIHAN

**Keputihan menurut fuqaha':  
Sesuatu yang pekat berwarna  
putih keluar daripada faraj wanita**



**Fuqaha' sepakat keputihan adalah  
najis dan membatalkan wuduk**



**Wanita mengalami keputihan  
mesti membersihkannya sebelum  
berwuduk**


- Wanita mengerjakan haji mengalami keputihan mesti:
  - Memakai tuala wanita untuk memastikan keputihan keluar atau tidak.
  - Tidak digalakkan memakai tampon kerana ia memudaratkan.
- Keputihan yang keluar berterusan sama hukum dengan istihadah dan *daim al-hadas*.

# CARA BERWUDUK *DAIM AL-HADAS*

- Cara berwuduk *Daim Al-Hadas*:
  - a) Bersihkan faraj daripada najis.
  - b) Pakai tuala wanita di permukaan faraj.
  - c) Ambil wuduk setelah masuk waktu solat.
  - d) Satu wuduk untuk satu solat fardu, atau tawaf fardu atau rukun, beberapa solat sunat dan tawaf sunat.
- Cara ini berdasarkan penjelasan Rasulullah S.A.W kepada Fatimah bt Hubaisy:

اغسلى وتوضئى لكل صلاة

- Hanbali meruksahkan wanita mengalami istihadah, keputihan berterusan/*daim al-hadas* menjamak solat
- Syafi`ie tidak meruksahkannya




- Hanbali meruksahkan wanita mengalami istihadah, keputihan berterusan/*daim al-hadas* menjamak solat.
- Syafi`ie tidak meruksahkannya.



# PERMASALAHAN LEMBAPAN FARAJ

## **KELEMBAPAN FARAJ- RUTUBAH AL FARJ**


- Lazimnya mukosa faraj lembap dan menghasilkan lelehan bagi mengelak mukosa daripada kering dan melekat.
- Oleh itu lembap dan sentiasa menghasilkan lelehan adalah tabiat faraj.
- Lelehan dalam faraj sama dengan cecair dalam mulut.
- Penulisan fiqh juga menyebutkan ‘lembab’ sifat semulajadi faraj.
- **Oleh itu fuqaha’ berpendapat lelehan di dalam faraj bukan najis dan tidak membatalkan wuduk, sama seperti orang berpuasa menjelirkan lidahnya keluar, memasukkannya kembali dan menelan air liurnya, puasanya tidak batal.**



# PERMASALAHAN PENGAMBILAN PIL



# ISU PENGAMBILAN PIL



ADAM.



- Tidak digalakkan memandangkan semua perkara wajib dan rukun dalam ibadat haji boleh dilakukan melainkan tawaf sahaja.
- Diharuskan dengan syarat:
  - Jika perlu dapatkan nasihat pakar (yang adil)
  - Ubat yang digunakan tidak memudaratkan.
  - Biasakan dengan pil tersebut sekurang-kurangnya 3 bulan dari tarikh berangkat ke tanah suci.

# MENAHAN DARAH HAID DENGAN MEMAKAN UBAT

- Pengalaman jemaah haji wanita
  - Ada kes ia mengakibatkan darah keluar lebih banyak daripada biasa
  - Ada kes darah keluar tidak menentu
  - Ada yang berjaya

Jemaah Haji Wanita perlu benar-benar faham cara pengambilan ubat penahan haid atau ubat mengatur kitaran haid kerana kedua-duanya mempunyai prosedur yang berbeza

# SITUASI YANG IDEAL

- 1. Jika tiada masalah tentang Haid. Disyorkan agar tidak mengambil mana-mana pil.**
- 2. Jika terdapat di dalam masalah haid hendaklah dirujuk sewaktu saringan kesihatan.**
- 3. Masa rujukan hendaklah awal sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum berangkat.**
- 4. Ada golongan yang perlu rawatan perubatan contohnya pil hormon atau suntikan dan pembedahan kecil atau besar (*myomectomy, polypectomy, hysterectomy*) sebelum berangkat ke Tanah Suci.**
- 5. Mesti patuh dengan cara pengambilan ubat.**

- 5. Sesetengah pengamal perubatan sering memberi sesetengah ubat hormon secara berterusan sehingga 2-3 bulan dimana ubat tersebut bukan dileSEN untuk menahan haid. Pengambilan secara berterusan ini perlu dirujuk kepada pakar O&G.**
- 6. Jangan terpengaruh dengan kawan-kawan yang mengambil pil, kerana keadaan tubuh badan tidak semestinya sama.**
- 7. Jika tiada pilihan. Pil-pil hormon tersebut boleh digunakan dalam tempoh yang tertentu setelah mendengar nasihat dan kaunseling dari pakar O&G ( ada kemungkinan ubat tersebut tidak berkesan lansung- jemaah perlu ada pelan kontigensi).**
- 9. Segala masalah discaj, kendir yang berlebihan dan tidak selesa hendaklah berjumpa doktor untuk menerima rawatan sewajarnya.**
- 10. Masalah prolapse dan kencing tidak tos hendaklah diatasi dan dirawat sebelum berangkat ke tanah suci.**

# ISU-ISU

## SEMASA MENGERJAKAN HAJI



© Akram bin  
akraminhariri  
images

# PERKARA HARUS DILAKUKAN SEMASA HAID

- Niat Ihram
- Mandi Sunat Ihram
- *Talbiyah, Tasbih, Tahmid, Takbir, Zikir* dan Ma'tsurat
- Sa'ie Menurut Syaratnya
- Wuquf, Mabit di Muzdalifah dan Mina
- Melontar 3 Jamarat

# Bagaimana dengan wanita yang didatangi haid sebelum selesai tawaf rukun.

## Pilihan 1

Memohon penundaan tarikh penerbangan pulang dari pihak TH

## Pilihan 2

Pulang ke Tanah air tanpa menyelesaikan kerja haji tetapi perlu melakukan **dam ihsar** utk membebaskan diri dari ihram

(kerja hajinya belum selesai dan perlu menyelesaikan bila ada kesempatan masa pada tahun-tahun akan datang)

## Pilihan 3

Bertaklid kepada **Mazhab Hanafi** yang mengharuskan perempuan haid melaksanakan Tawaf Ifadah.  
Hajinya selesai tetapi perlu membayar dam seekor unta.  
Memohon ampun kerana masuk ke masjid dalam keadaan berhadas besar

# Perhatian!

- Jemaah haji yang memilih Haji Tamattu` kemudian datang haid sebelum Tawaf Umrah dan dibimbangi luput haji, perlu ambil perhatian perkara-perkara berikut:
  - *Fatrah al-Naqa'*
  - Kekuningan selepas kebiasaan haid

- Sekiranya dua keadaan di atas tidak berlaku beliau boleh menukar **Niat Haji Tamattu` kepada Niat Haji Qiran** dan beliau wajib bayar Dam Qiran.
- Sekiranya dia telah membayar **Dam Haji Tamattu'** di kaunter dia hendaklah melaporkan kepada Pegawai **TH** yang bertugas dan perlu memaklumkan bahawa telah **bertukar niat daripada Haji Tamattu' kepada Haji Qiran**

Haid tidak suci sehingga tiba waktu pulang/ Tawaf Wada'  
Tidak perlu Tawaf Wada`, tidak dikenakan dam dan  
tidak berdosa.

# PERKARA DILARANG SEMASA HAID DAN NIFAS

## 1. HARAM BERSUCI

- **Haram bersuci daripada hadas besar dan kecil untuk tujuan ibadat**
  - Dalil: Rasulullah S.A.W bersabda kepada Aisyah RA ketika haid: “*Engkau buatlah apa sahaja yang dilakukan orang yang mengerjakan haji kecuali tawaf*”



# PERKARA DILARANG SEMASA HAID DAN NIFAS

## 2. HARAM SOLAT

- **Fuqaha' sepakat: wanita haid dan nifas haram melakukan Solat Fardu,Sunat dan Qada'**
  - Dalil- Rasulullah S.A.W bersabda: "*Apabila haidmu datang, hendaklah kamu tinggalkan solat*"



# PERKARA DILARANG SEMASA HAID DAN NIFAS

## 3. HARAM PUASA

- **Haram Puasa Wajib, Sunat, Qada, Nazar**
- **Wajib qada' Puasa Ramadhan yang ditinggalkan kerana haid dan nifas**
  - Dalil Hadis- "*Seorang wanita bertanya kepada Aisyah RA: Kenapa wanita haid mengqadhakan puasa dan tidak mengqadha solat? Aisyah RA jawab: Keadaan demikian telah berlaku kepada kami, diperintahkan mengqadha puasa dan tidak mengqadha solat*"



# PERKARA DILARANG SEMASA HAID DAN NIFAS



## 4. HARAM TAWAF

- **Haram laksanakan Tawaf Rukun, Wada', Sunat**
  - Dalil hadis: "*Sesungguhnya haid itu suatu yang telah ditetapkan oleh Allah kepada wanita-wanita anak Adam, engkau buatlah perkara-perkara yang dilakukan oleh orang yang mengerjakan haji kecuali tawaf di Baitillah*"

## 5. HARAM MEMBACA QURAN

- **Fuqaha' sepakat, harus berzikir,membaca ayat-ayat Al-Quran yang dijadikan zikir seperti Basmallah,Ayat Kursi, Ma'thurat,3 Qul**
- **Fuqaha' berselisih pendapat tentang membaca Al-Quran**
  - Mazhab Shafie, Ahmad, Hanafi – Haram
  - Dalil hadis: "*Orang junub dan haid tidak boleh membaca walau sedikit daripada Al-Quran*

## 6. HARAM MENYENTUH DAN MEMBAWA QURAN

- **Fuqaha' sepakat haram menyentuh dan membawa mashaf Al-Quran**
  - Tidak termasuk dlm pengertian mashaf adalah Kitab Fiqh, Tafsir, Al-Quran terjemahan
- **Boleh membawa Al-Quran di dalam beg yang terdapat barang lain**
  - Boleh menunjuk atau membuka Al-Quran dengan alatan seperti kayu, pensil dan lain-lain

## 7. HARAM TINGGAL ATAU DUDUK DALAM MASJID

- Haram tinggal dan duduk dalam masjid
  - Dalil Al-Quran al-Nisa (4): 43
- Boleh lalu atau melintasi masjid ketika haid
  - Rasulullah S.A.W bersabda kepada Aisyah RA: “*Ambillah untukku selendang dalam masjid. Aku menjawab; sesungguhnya aku datang haid. Rasulullah S.A.W bersabda : haidmu bukan berada pada tanganmu*”

## 8. HARAM MENCERAIKAN ISTERI

- Majoriti fuqaha'- haram menceraikan isteri semasa haid dan nifas tetapi talak tetap gugur
  - Dalil Al-Talaq (65):1
  - Hadis Ibn Umar ceraikan isteri dalam haid. “*Umar ceritakan hal itu kepada Nabi Muhammad S.A.W. Nabi bersabda, suruhlah dia rujuk isterinya atau hendaklah dia menceraikan semasa suci atau mengandung*”

## 9. HARAM BERSETUBUH

- Persetubuhan melalui faraj
  - Fuqaha' sepakat haram hukumnya, hujahnya
  - Surah Al-Baqarah (2):222
  - Hadis: "kamu buatlah semua perkara kecuali berjimak"
  
- Bergurau senda dan bercumbuan
  - Bergurau senda dan bercumbuan antara anggota pusat hingga ke atas dan anggota lutut ke bawah
    - Fuqaha' sepakat suami boleh bergurau dan bercumbuan dalam batas tersebut
  - Bergurau senda dan bercumbuan pada anggota antara pusat dan lutut tidak menggunakan faraj dan dubur.

- Imam Malik, Abu Hanifah, Syafi'ie mengatakan haram keadaan di atas, dalilnya:
  - Hadis: "*Apabila Rasulullah S.A.W ingin bergurau senda dengan salah seorang daripada isterinya semasa datang haid, Baginda S.A.W memerintahkannya supaya mengikat kain pada permulaan & kemuncak haid barulah baginda bergurau senda dengannya*
- Imam Ahmad Ibn Hanbal dan salah satu pendapat Mazhab Syafi'ie: boleh bergurau senda dalam keadaan tersebut,dalilnya:
  - Al-Quran: Al-Baqarah(2):222
  - Perkataan *Al-Mahid* dalam ayat tersebut bermaksud faraj bukan darah haid



*Ya Rabb...*

*Tuhan Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang...*

*Engkaulah yang memakbulkan segala doa...*

*Perkenankanlah doa-doa para hamba-Mu yang saban hari merayu dan menadah tangan..  
meratap memohon untuk memijakkan kaki, bertawaf dan bersujud di Bait-Mu ini...*

...

*Perkenankan doa-doa rindu mereka...*

*Sampaikanlah hajat mereka Ya Allah...*

*Amiin..!*

# WASSALAM



*Semoga semua bakal jemaah  
haji yang dikasihi  
diberikan oleh Allah S.W.T  
kesabaran dan ketenangan  
serta didoakan mendapat  
sebaik-baik ganjaran*

**HAJI YANG MABRUR  
DAN UMRAH YANG  
MAQBUL**

